

1 July 2016

Moving of Voters across DUN and Parliament is against the Federal Constitution

The Coalition for Free and Fair Elections (BERSIH 2.0) calls for the Election Commission (EC) to explain why voters have been moved to a different DUN and Parliament constituency. This happened resulting from the recent “locality¹ correction” exercise undertaken by the EC.

Preliminary analysis showed that 118,774 voters have been moved to a different DUN constituency, of which over 40,000 voters were also moved to a different Parliament constituency, although their address remains the same.

Example 1: 2,208 voters in Bandar Utama Batang Kali, Selangor were voters in the Batang Kali DUN in the 2013 General Elections. After the locality correction exercise, they have been moved to the Kuala Kubu Baharu DUN.

Example 2: 37 voters were voters in the Indera Mahkota Parliament constituency (Pahang) in the 2013 General Elections, but they have been moved to the Kemaman Parliamentary constituency (Terengganu).

The number of voters moved in several DUN and Parliament constituencies are large enough to affect the outcome of an election. The following are the top five DUNs and Parliament constituencies which has the highest number of voters’ movement:

From Parliament	To Parliament	Total Voters Affected
P191 - Kalabakan	P190 - Tawau	2742
P141 – Sekijang	P140 - Segamat	2694
P107 - Subang	P108 - Shah Alam	1937
P66 - Batu Gajah	P71 - Gopeng	1837
P101 - Hulu Langat	P102 - Serdang	1622

¹ Locality refers to the residential area of a group of people/voters which has clear social ties, such as a kampung or a housing estate. In terms of elections, the locality determines the DUN and Parliamentary constituency of a voter.

From DUN		To DUN		Total Voters Affected
P145 - Bakri	N13 - Sungai Abong	P145 - Bakri	N12 - Bentayan	6322
P94 - Hulu Selangor	N07 - Batang Kali	P94 - Hulu Selangor	N06 - Kuala Kubu Baharu	5590
P141 - Sekijang	N03 - Pemanis	P140 - Segamat	N02 - Jementah	2448
P58 - Bagan Serai	N12 - Selinsing	P58 - Bagan Serai	N11 - Gunong Semanggol	2077
P107 - Subang	N39 - Kota Damansara	P108 - Shah Alam	N40 - Kota Anggerik	1937

The locality corrections have caused the number of voters and borders of the DUN/Parliament constituencies to change. Such action is against the Federal Constitution because in effect, it is tantamount to a re-delineation exercise which requires the approval of Parliament.

Additionally, it has also caused confusion among voters on voting day because their polling station may have been changed. In the recent Kuala Kangsar by-election for example, BERSIH2.0 received several complaints from voters who were turned away from polling stations because they have been moved to the neighbouring constituency of Padang Rengas.

The shifting of voters also causes gross inconvenience to the affected citizens, people's representatives, and local authorities when addressing local council issues.

BERSIH2.0 demands that the EC:

- (1) Explain the specific reasons for the correction of each locality, in order for voters to assess and verify the changes;**
- (2) For voters who were moved across DUN and Parliament constituency, return them to their original constituencies, because such changes can only be done via a re-delineation exercise.**

BERSIH2.0 urges voters to recheck their DUN and Parliament constituency at the following SPR website: <http://daftarj.spr.gov.my/DAFTARJ/>. If their voting DUN or Parliament has been changed, a report can be filed to BERSIH2.0 via the following website <http://www.bersih.org/pindahpengundi> or 03 7931 4444.

1 Julai 2016

Pemindahan Pengundi Merentasi DUN dan Parlimen Bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan

Gabungan Pilihan Raya Bersih dan Adil (BERSIH2.0) menuntut Suruhan Pilihan Raya (SPR) memberikan penjelasan berkaitan pengundi-pengundi yang telah dialihkan DUN dan Parlimen pengundian mereka. Perkara ini berlaku ekoran proses “pembetulan lokaliti²” yang dijalankan oleh SPR baru-baru ini.

Kajian awal mendapati bahawa 118,774 pengundi telah dipindahkan DUN, yang mana lebih daripada 40,000 pengundi yang dipindahkan melibatkan pemindahan Parlimen, walaupun alamat mereka tidak berubah.

Contoh 1: Seramai 2,208 pengundi di Bandar Utama Batang Kali, Selangor merupakan pengundi DUN Batang Kali pada Pilihan Raya Umum 2013. Selepas proses pembetulan lokaliti ini, pengundi-pengundi tersebut telah berpindah kepada DUN Kuala Kubu Baharu.

Contoh 2: Seramai 37 pengundi yang merupakan pengundi di Parlimen Indera Mahkota, Pahang pada Pilihan Raya Umum 2013 telah dipindahkan kepada Parlimen Kemaman, Terengganu.

Jumlah pengundi yang dipindah di beberapa DUN dan Parlimen adalah amat besar dan boleh memberi kesan kepada keputusan pilihan raya. Berikut merupakan 5 DUN dan Parlimen yang mempunyai jumlah pengundi dipindah yang tertinggi:

Dari Parlimen	Ke Parlimen	Jumlah Pengundi Terlibat
P191 - Kalabakan	P190 - Tawau	2742
P141 – Sekijang	P140 - Segamat	2694
P107 - Subang	P108 - Shah Alam	1937
P66 - Batu Gajah	P71 - Gopeng	1837
P101 - Hulu Langat	P102 - Serdang	1622

² Lokaliti merupakan tempat tinggal sekumpulan orang tempatan/pengundi yang mempunyai talian social jelas seperti kampung atau taman perumahan. Dari segi pilihan raya, lokaliti menentukan DUN dan Parlimen seseorang pengundi.

Dari DUN		Ke DUN		Jumlah Pengundi Terlibat
P145 - Bakri	N13 - Sungai Abong	P145 - Bakri	N12 - Bentayan	6322
P94 - Hulu Selangor	N07 - Batang Kali	P94 - Hulu Selangor	N06 - Kuala Kubu Baharu	5590
P141 - Sekijang	N03 - Pemanis	P140 - Segamat	N02 - Jementah	2448
P58 - Bagan Serai	N12 - Selinsing	P58 - Bagan Serai	N11 - Gunong Semanggol	2077
P107 - Subang	N39 - Kota Damansara	P108 - Shah Alam	N40 - Kota Anggerik	1937

Pembetulan lokaliti menyebabkan bilangan pengundi dan sempadan pilihan raya DUN/Parlimen berubah. Tindakan ini adalah salah dan bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan kerana pada dasarnya merupakan proses persempadanan semula yang memerlukan kelulusan Dewan Undangan Negeri atau Parlimen.

Tambahan lagi, ini akan menyebabkan kekeliruan di kalangan pengundi pada hari mengundi kerana pembetulan lokaliti turut boleh mengubah pusat mengundi mereka. Ketika Pilihan Raya Kecil Kuala Kangsar baru-baru ini, BERSIH2.0 telah menerima beberapa aduan daripada pengundi yang tidak dibenarkan mengundi di pusat mengundi asal mereka kerana telah dipindahkan ke Padang Rengas.

Pemindahan pengundi tersebut juga mengakibatkan kesulitan kepada penduduk, wakil rakyat, dan pihak berkuasa tempatan dalam menguruskan isu-isu penduduk tempatan.

BERSIH2.0 menuntut SPR supaya:

- (1) memperjelaskan sebab-sebab pembetulan lokaliti untuk setiap lokaliti yang dilakukan supaya pengundi dapat membuat penilaian; dan**
- (2) memindahkan semula semua pengundi yang terjejas dengan aktiviti ini ke kawasan pengundian asal mereka kerana perubahan kawasan pengundian hanya boleh dilakukan melalui proses persempadanan semula.**

BERSIH2.0 menyeru kepada orang ramai supaya menyemak semula DUN dan Parlimen masing-masing di laman SPR: <http://daftarj.spr.gov.my/DAFTARJ/>. Jika mendapati DUN atau Parlimen telah diubah, laporan boleh dikemukakan kepada BERSIH2.0 melalui laman <http://www.bersih.org/pindahpengundi> atau 03 7931 4444